

Teks Ucapan Sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Siri Kelapan

By : YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Date : 19/08/2022

TEKS UCAPAN YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB PERDANA MENTERI

SEMPENA

JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA SIRI KELAPAN

**19 OGOS 2022 | JUMAAT | 3.30 PETANG
TAPAK KARNIVAL STADIUM SHAH ALAM, SELANGOR DARUL
EHSAN**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama di Tapak Karnival Stadium Shah Alam, Selangor petang ini bagi menjayakan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM).

2. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kementerian peneraju, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), khususnya kepada Menterinya, Yang Berhormat Tan Sri Noh Omar atas penganjuran JAKM siri kelapan di negeri ini dan Kerajaan Negeri Selangor sebagai tuan rumah.

3. Apa khabar semua? Semoga seluruh Keluarga Malaysia di Selangor sentiasa sihat sejahtera.

4. Pada kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan tahniah atas pencapaian anak-anak muda Selangor di Sukan Komanwel 2022.

5. **Saudari M. Thinaah** berjaya merangkul dua pingat emas menerusi acara badminton berpasukan dan beregu campuran serta **Javen Choong** yang meraih pingat perak dalam acara beregu campuran menerusi acara pingpong. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

6. Konsep Keluarga Malaysia telah diperkenalkan Kerajaan pada 22 Ogos tahun lalu bagi memastikan seluruh ahli keluarga besar kita hidup dalam

harmoni tanpa mengira sentimen agama dan bangsa, berpaksikan tiga teras utama iaitu Kebersamaan, Keterangkuman dan Kesyukuran.

7. Sebagai negeri yang kaya dengan kepelbagaian agama dan bangsa, konsep ini bukanlah sesuatu yang baharu tetapi sudah sebatu dalam diri Keluarga Malaysia termasuklah di Selangor yang hidup bermuafakat dan saling membantu antara satu sama lain.

8. Jika ada antara ahli daripada keluarga besar kita ditimpa musibah, ahli keluarga yang lain juga turut merasakannya, “**ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua.**”

9. Bak pepatah **elok kata dalam muafakat, buruk kata di luar muafakat**, nilai ini juga selari dengan konsep ‘tasamuh’ atau toleransi yang menjadi teras utama perpaduan bagi masyarakat majmuk dalam Keluarga Malaysia pada hari ini.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

10. Selepas diuji pandemik, dunia kini berhadapan dengan pelbagai cabaran baharu dan paling genting ialah perubahan iklim, ketegangan geopolitik dan konflik Rusia- Ukraine. Gabungan semua faktor adalah

antara punca kepada kenaikan harga barangan sehingga mengakibatkan kos sara hidup meningkat.

11. Namun, Kerajaan tidak berpeluk tubuh membantu Keluarga Malaysia dalam mendepani isu kos sara hidup dan inflasi. Kerajaan sentiasa berusaha memastikan Keluarga Malaysia kalis cabaran.

12. Pelbagai strategi jangka pendek, sederhana dan panjang dilaksanakan Kerajaan yang melibatkan kerjasama semua kementerian, kerajaan negeri, agensi-agensi Kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan seluruh Keluarga Malaysia bagi memulihkan ekonomi negara.

13. Hasilnya, hari ini kita dapat melihat ekonomi negara kita merupakan yang terbaik di Asia Tenggara dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak **8.9 peratus** bagi suku kedua tahun ini.

14. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada tekanan inflasi global. Justeru, kenaikan harga barangan tidak boleh dielakkan sepenuhnya. Bagaimanapun, **kadar inflasi negara** berada pada paras **3.4 peratus** dan angka ini merupakan antara yang **terendah di Asia Tenggara**.

15. Bagi mengurangkan tekanan inflasi terhadap Keluarga Malaysia, Kerajaan telah membelanjakan peruntukan subsidi sebanyak **RM77.3 bilion** yang merupakan jumlah subsidi terbesar dalam sejarah negara, meliputi petrol, diesel, LPG, minyak masak, tepung dan elektrik.

16. Dasar yang dilaksanakan Kerajaan ini bertujuan membendung inflasi bagi mengelakkan kenaikan harga yang terlalu mendadak, dan pada masa yang sama membantu Keluarga Malaysia yang perlu dari segi bantuan langsung seperti Bantuan Kebajikan Masyarakat, bantuan pertanian, nelayan dan sebagainya.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

17. Malaysia turut mencatatkan pertumbuhan **perdagangan borong dan runcit** yang kukuh, tahun ke tahun sebanyak **44 peratus** kepada **RM132.8 bilion pada Jun 2022**. Ini merupakan paras tertinggi sejak tahun 2013, dengan lonjakan besar dalam jualan kenderaan bermotor.

18. Selain itu, pada tahun 2021, **jumlah dagangan** Malaysia buat pertama kalinya telah melepasi paras **RM2 trilion, meningkat 24.9 peratus** dari tahun sebelumnya berikutan prestasi memberangsangkan bagi kedua-dua eksport domestik dan eksport semula.

19. Saya juga yakin pelabur asing terus berminat untuk menanam modal di negara ini hasil polisi dan dasar yang dilaksanakan Kerajaan. Bagi tempoh sembilan bulan yang lalu sehingga Jun 2022, negara kita merekodkan nilai pelaburan langsung asing (FDI) sebanyak RM74.1 bilion sekali gus mengatasi jumlah FDI tahunan pada tahun 2021, 2020, 2019 dan 2018.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

20. Kejayaan-kejayaan yang dicapai ini membuktikan ekonomi negara kita kini semakin pulih. Kerajaan terus komited dalam menjayakan inisiatif yang telah diumumkan sebelum ini.

21. Pada 19 Februari lalu, saya telah melancarkan **Inisiatif JaminKerja** bernilai RM4.8 bilion dengan sasaran untuk menawarkan **600,000 peluang pekerjaan**. Sehingga kini, sebanyak **400,000 kerja telah diisi** di seluruh negara.

22. Alhamdulillah, sejak setahun lalu, kadar pengangguran telah **menurun sehingga 3.8 peratus** pada bulan Jun 2022, paras terendah sejak pandemik COVID-19 daripada 4.6 peratus pada bulan Ogos 2021.

23. Bagi menampung kos sara hidup yang semakin meningkat, Kerajaan telah menetapkan paras **gaji minimum baharu kepada RM1,500** mulai 1 Mei lalu. Inisiatif ini antara langkah bagi membantu mengurangkan beban kos sara hidup Keluarga Malaysia.

24. Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi yang ditubuhkan pada Jun yang lalu telah menunjukkan hasil positif dan berjaya bukan sahaja menurunkan harga beberapa barangan seperti ayam dan minyak masak.

25. Saya sememangnya berharap semua pihak akan terus memberi sokongan terhadap segala inisiatif dan program yang dilaksanakan oleh Kerajaan demi kebaikan seluruh Keluarga Malaysia.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

26. Sebanyak **RM6.3 bilion** peruntukan telah diluluskan Kerajaan bagi pelaksanaan pembangunan infrastruktur dan fasiliti penyampaian perkhidmatan di Selangor, di bawah Rolling Plan Kedua tahun 2022, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

27. Antara projek penting yang akan dilaksanakan adalah **lima buah projek tebatan banjir di Selangor** dengan peruntukan sebanyak **RM4.7 bilion**. Usaha ini akan disegerakan bagi mengelakkan kejadian banjir teruk yang menjejaskan kesejahteraan penduduk di Selangor, ekonomi negeri dan negara berulang lagi.

28. Seperti kita tahu banjir besar berlaku tahun lepas di negeri Selangor seperti di kawasan Shah Alam, Hulu Langat dan sebagainya.

29. Kerajaan turut mengambil langkah proaktif merencana pendekatan baharu termasuk pembinaan infrastruktur yang bersesuaian dan lebih lestari serta menyeluruh di Selangor.

30. Usaha menyediakan perumahan kepada Keluarga Malaysia, terutama kumpulan B40 dan M40, terus menjadi agenda penting Kerajaan.

31. Suka saya maklumkan, selaras dengan aspirasi **Satu Keluarga Satu Rumah**, sebanyak **14,329 buah rumah** di negeri Selangor siap dibina sehingga bulan Jun 2022 di bawah pelbagai program perumahan seperti Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM).

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

32. Saya mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Kemerdekaan kepada seluruh Keluarga Malaysia.

33. Kita perlu sedar bahawa kejayaan negara yang dikecapi pada hari ini adalah hasil muafakat serta usaha perjuangan secara berterusan sebagai sebuah negara bangsa yang berdaulat, sejahtera dan maju.

34. Nilai-nilai kemerdekaan dan patriotisme harus dihayati selaras dengan konsep Keluarga Malaysia menjadi tunjang kekuatan kita bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan negara tercinta.

35. Sekali lagi, tahniah saya ucapkan kepada Keluarga Malaysia di Selangor atas sambutan yang memberangsangkan serta komitmen padu yang ditunjukkan oleh KUSKOP dalam penganjuran Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Siri Kelapan di Negeri Selangor pada kali ini.

36. Saya berharap aspek Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran dalam masyarakat majmuk Keluarga Malaysia ini terus dihayati dan diserap dalam jiwa seluruh Keluarga Malaysia tanpa mengira sentimen agama dan bangsa.

37. Dengan kata-kata tersebut, dan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan program **Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di Selangor.**

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/08/jelajah-aspirasi-keluarga-malaysia-siri-kelapan/>